



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

25 JUN 2026 (KHAMIS)

M-FICORD Pacu Transformasi Agro Berasaskan Inovasi dan AI

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Utusan Sarawak	Teknologi	Dalam Talian	24 Jun



AMANAT... Dato Sri Dr Stephen Rundi Utom ketika berucap pada majlis Gala dan Penyampaian Anugerah Inovasi sempena Mini Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Peringkat M-FICORD 2026 semalam. Foto UKAS

KUCHING: Sektor agro Sarawak tidak boleh lagi bergantung kepada pendekatan kerja secara konvensional jika mahu kekal berdaya saing dalam landskap ekonomi yang semakin mencabar dan dipacu teknologi.

Menteri Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah, Dato Sri Dr Stephen Rundi Utom berkata, kementeriannya komited mempercepatkan transformasi

sektor berkenaan menerusi pendekatan berasaskan hasil, inovasi serta penggunaan kecerdasan buatan (AI) bagi memperkukuh industri makanan dan komoditi negeri.

Beliau berkata, setiap perancangan dan program yang dilaksanakan perlu memberi tumpuan kepada pencapaian hasil yang jelas, terukur serta memberi impak langsung kepada pembangunan sektor

pertanian dan makanan Sarawak.

“Apabila kita merancang sesuatu, ia bukan sekadar untuk merancang. Pada akhirnya, hasil yang dicapai adalah perkara paling penting. Jika sasaran tidak dapat dicapai, kita perlu menilai semula dan melakukan penambahbaikan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Gala dan Penyampaian Anugerah Inovasi sempena Mini Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Peringkat M-FICORD 2026 di sini, semalam.

Menurut beliau, inovasi dan kreativiti perlu menjadi budaya kerja dalam kalangan warga kementerian serta agensi di bawah M-FICORD bagi memastikan pembangunan sektor agro terus berkembang selari dengan aspirasi Strategi Pembangunan Pasca COVID-19 2030 (PCDS 2030).

Katanya, penggunaan teknologi baharu termasuk AI perlu dimanfaatkan sepenuhnya bagi meningkatkan kecekapan operasi, produktiviti dan mutu penyampaian perkhidmatan.

“Penambahbaikan hanya dapat dilihat melalui hasil. Untuk

menghasilkan keputusan yang lebih baik, kita perlu menyesuaikan dan mengadaptasi teknologi baharu. Itulah satu-satunya cara,” tegas beliau.

Dalam pada itu, beliau berkata sektor agro Sarawak perlu bergerak ke arah pertanian pintar, pembangunan agropark dan pelaksanaan konsep ekonomi kitaran bagi meningkatkan produktiviti serta nilai tambah industri.

Pada masa sama, beliau menekankan kepentingan memastikan produk tempatan memenuhi standard kualiti yang konsisten, lestari dan berdaya saing di pasaran global melalui penyelidikan serta pengkomersialan produk berasaskan sumber tempatan.

Beliau turut menggesa agar hasil penyelidikan yang dilaksanakan oleh institusi dan agensi berkaitan dapat diterjemahkan kepada produk komersial bernilai tinggi yang mampu menembusi pasaran antarabangsa.

Menurutnya, kejayaan agenda transformasi agro Sarawak

bergantung kepada kekuatan kerja sektor agro
berpasukan, kecekapan pelaksanaan [UTUSANSARAWAK](#)
serta budaya kerja yang berteraskan
rasa tanggungjawab dan tindakan
segera dalam kalangan warga
kementerian.

Sarawak.-

Mini Konvensyen KIK M-FICORD 2026
menghimpunkan sembilan kumpulan
inovasi yang bersaing untuk dipilih
mewakili kementerian ke peringkat
seterusnya, sekali gus menjadi
platform memperkukuh budaya
inovasi dan penambahbaikan
berterusan dalam organisasi.

Pada majlis tersebut, Jabatan
Pertanian Sarawak muncul juara
menerusi projek inovasi terbaik dan
membawa pulang hadiah wang tunai
RM1,500.

Jabatan Perkhidmatan Veterinar
Sarawak (DVSS) meraih tempat kedua
dengan hadiah RM1,300, manakala
tempat ketiga menjadi milik DVSS
yang menerima RM1,000.

Kejayaan itu mencerminkan
komitmen berterusan agensi di
bawah M-FICORD dalam
memperkukuh budaya inovasi dan
penambahbaikan berterusan bagi
meningkatkan kecekapan
penyampaian perkhidmatan serta
menyokong agenda transformasi

M-FICORD Percepat Transformasi Agro Berasaskan Hasil, Inovasi & AI

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
UKAS Sarawak	Edisi Selatan	Dalam Talian	24 Jun



Foto: UKAS

KUCHING: Kementerian Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah Sarawak (M-FICORD) komited dalam mempergiat usaha mentransformasikan sektor agro negeri melalui pendekatan berasaskan hasil, inovasi dan penggunaan kecerdasan buatan (AI) bagi memperkukuh daya saing industri makanan serta komoditi Sarawak.

Menterinya, Dato Sri Dr Stephen

Rundi Utom berkata, budaya kerja secara rutin atau business as usual tidak lagi memadai dalam mendepani cabaran pembangunan sektor agro yang semakin kompleks dan kompetitif.

Menurut beliau, setiap perancangan dan program yang dilaksanakan perlu memberi tumpuan kepada pencapaian hasil yang jelas, terukur dan memberi impak langsung kepada pembangunan industri

pertanian serta makanan negeri.

“Apabila kita merancang sesuatu, ia bukan sekadar untuk merancang. Pada akhirnya, hasil yang dicapai adalah perkara paling penting. Jika sasaran tidak dapat dicapai, kita perlu menilai semula dan melakukan penambahbaikan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika Majlis Gala dan Penyampaian Anugerah Inovasi sempena Mini Konvensyen Innovative and Creative Circle (ICC) Peringkat M-FICORD 2026 pada Selasa.

Tambah beliau, inovasi dan kreativiti perlu menjadi budaya kerja seluruh warga kementerian serta agensi di bawah M-FICORD bagi memastikan sektor agro Sarawak terus berkembang selari dengan aspirasi Strategi Pembangunan Pasca COVID-19 2030 (PCDS 2030).

Sehubungan itu, beliau menggesa setiap jabatan dan agensi di bawah kementerian memanfaatkan teknologi baharu termasuk AI bagi meningkatkan kecekapan operasi, produktiviti serta penyampaian perkhidmatan.

“Penambahbaikan hanya dapat

dilihat melalui hasil. Untuk menghasilkan keputusan yang lebih baik, kita perlu menyesuaikan dan mengadaptasi teknologi baharu. Itulah satu-satunya cara,” tegas beliau.

Menurutnya, sektor agro Sarawak perlu bergerak ke arah pertanian pintar, pembangunan agropark dan pelaksanaan konsep ekonomi kitaran bagi meningkatkan produktiviti serta nilai tambah industri.

Pada masa sama, beliau menekankan kepentingan memastikan produk tempatan mempunyai standard kualiti yang konsisten, lestari dan berdaya saing di pasaran global melalui penyelidikan serta pengkomersialan produk berasaskan sumber tempatan.

Beliau turut menyeru agar hasil penyelidikan yang dilaksanakan oleh institusi dan agensi berkaitan dapat diterjemahkan kepada produk komersial bernilai tinggi yang mampu menembusi pasaran antarabangsa.

Dalam pada itu, Dato Sri Dr Stephen Rundi menegaskan

kejayaan agenda transformasi agro Sarawak bergantung kepada kekuatan kerja berpasukan, kecekapan pelaksanaan serta budaya kerja yang berteraskan rasa tanggungjawab dan sense of urgency dalam kalangan warga kementerian.

Mini Konvensyen ICC M-FICORD 2026 menghimpunkan sembilan kumpulan inovasi yang bersaing untuk dipilih mewakili kementerian ke peringkat seterusnya, sekali gus menjadi platform memperkukuh budaya inovasi dan penambahbaikan berterusan dalam organisasi.

Ia menyaksikan Jabatan Pertanian Sarawak muncul juara menerusi projek inovasi yang berjaya memenuhi kriteria penilaian terbaik, sekali gus membawa pulang hadiah wang tunai RM1,500. Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak (DVSS) meraih tempat kedua dengan hadiah RM1,300, manakala tempat ketiga turut menjadi milik DVSS yang menerima RM1,000.

Kejayaan tersebut mencerminkan komitmen berterusan agensi di bawah M-FICORD dalam memperkukuh budaya inovasi dan penambahbaikan berterusan bagi meningkatkan kecekapan

penyampaian perkhidmatan serta menyokong agenda transformasi sektor agro Sarawak.

Hadir sama Timbalan Menteri Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah (Industri Makanan) Datuk Dr Abdul Rahman Ismail, Timbalan Menteri Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah (Komoditi dan Pembangunan Wilayah) Datuk Martin Ben, Setiausaha Tetap Kementerian Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah Sarawak Datu Sirai Doha dan Timbalan Setiausaha Tetap M-FICORD Sayed Ismail Nasiruddin Dato Sri Wan Hashim. - [EDISI UKAS](#)

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR